

PROSEDUR KAWALAN OPERASI

PROSEDUR PERLAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) KATEGORI: RESIDEN PELAJAR

SEJARAH SEMAKAN

| VERSI | DESKRIPSI | DISUSUN OLEH | TARIKH |
|-------|-----------------|--------------|---------------|
| A | KELUARAN BAHARU | OSHMO | 27 APRIL 2016 |
| 1 | SEMAKAN | OSHMO | 08 NOV 2021 |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

KELULUSAN

MESYUARAT JKPP UMP BIL.03/2021
08 NOVEMBER 2021

| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 1 DARI 7 |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

1.0 TUJUAN

- 1.1 Bagi menentukan keperluan bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi kategori Residen Pelajar(RP)

2.0 SKOP

- 2.1 Prosedur ini digunapakai ke atas mana-mana residen pelajar yang berada didalam UMP.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 OSHMO/L3/002 JKPP PTJ/RP
3.2 OSHMO/L2/002 Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)
3.3 OSHMO/L3/003 *Machinery with Certificate of Fitness (COF)*
3.4 OSHMO/L3/005 Pengurusan Kontraktor (Aspek KKP) – KesKo Program
3.5 OSHMO/L3/006 Basic Safety Rules & Regulations

4.0 DEFINISI

| Bil. | Terma | Penerangan |
|------|---------|--|
| 4.1 | JKKP RP | Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Residen Pelajar |
| 4.2 | PTJ | Pusat Tanggungjawab |
| 4.3 | RP | Residen Pelajar |
| 4.4 | KKP | Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan |
| 4.5 | UMP | Universiti Malaysia Pahang |
| 4.6 | HIRARC | Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control |
| 4.7 | TNA | Training Need Analysis |
| 4.8 | EKSA | Ekosistem Kondusif Sektor Awam |
| 4.9 | CoF | Certificate of Fitness |
| 4.10 | JKKP | Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan |
| 4.11 | SIRIM | Standard and Industrial Research Institute of Malaysia |
| 4.12 | PTW | Permit to Works |
| 4.13 | ERT | Emergency Respond Team |

5.0 TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG KUASA

| Bil. | Pihak | Tanggungjawab dan Bidang Kuasa |
|------|----------|---|
| 5.1 | Pengetua | a. Memastikan pematuhan sepenuhnya prosedur ini diperingkat RP. b. Menyediakan peruntukan sewajarnya bagi pelaksanaan prosedur ini |

| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 2 DARI 7 |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

| | | |
|-----|---------|---|
| 5.2 | JKKP RP | Mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya prosedur ini diperingkat RP. |
| 5.3 | OSHMO | Mematuhi sepenuhnya prosedur ini ketika pemeriksaan premis dilakukan. |

6.0 ASPEK UMUM KKP

6.1 Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMP

- i. Dalam bentuk dwi bahasa, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- ii. Terkini
- iii. Dipamerkan di tempat strategik
- iv. Dikomunikasikan kepada warga Residen Pelajar(RP) samada melalui poster, nota, portal RP, *handbook*, taklimat atau sebagainya.

Sumber Rujukan Polisi KKP Terkini: MyOSH (pautan didalam UMP E-Community)

6.2 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Residen Pelajar (JKKP-RP)

- i. Rujukan: OSHMO/L3/002 - JKPP-PTJ/RP
- ii. Setiausaha hendaklah mewujudkan sistem rekod bersistematik bagi menyimpan rekod-rekod berkaitan KKP RP.
- iii. Carta organisasi JKPP-RP hendaklah dipamerkan di tempat strategik.

6.3 Aktiviti KKP

- i. Merangkumi taklimat, latihan/kursus jangka pendek/panjang
- ii. Perancangan aktiviti KKP seperti TNA (*Training Need Analysis*) untuk warga RP (OSHMO/FORM/038)
- iii. Taklimat Induksi KKP kepada pelajar dan staf baharu RP.

6.4 Pengurusan Risiko

- i. Rujukan: OSHMO/L2/002 - Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)
- ii. Program HIRARC hendaklah diadakan bagi mengenalpasti aktiviti berisiko RP dan didokumentasikan dengan sempurna.
- iii. Hasil Program HIRARC hendaklah dikomunikasikan kepada pihak berkepentingan
- iv. Tindakan penambahbaikan yang dicadangkan daripada Program HIRARC hendaklah dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan dan direkodkan.

6.5 Papan Tanda Keselamatan

- i. Hendaklah mengikut kod warna yang tepat dan saiz yang bersesuaian (OSHMO/GUIDE/001) seperti beriku:
 - a. Hijau – Penyataan selamat

| | | | | |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 3 DARI 7 |
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

- b. Kuning – Penyataan awas atau berhati-hati
 - c. Merah – Penyataan amaran, larangan dan peralatan kebakaran
 - d. Biru – Penyataan mandatori atau wajib dipatuhi
 - ii. Dipamerkan di tempat yang bersesuaian
- 6.6 Induksi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) kepada pelajar dan staf baharu.
- i. JKPP-RP hendaklah memastikan mana-mana pelajar dan staf baharu RP diberikan induksi asas KKP yang mana ianya hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara berikut:
 - a. Laluan kecemasan dan tempat perhimpunan kecemasan yang terdekat dengan bangunan RP.
 - b. Lokasi peralatan pencegahan kebakaran seperti *break glass*, alat pemadam api dan sebagainya.
 - c. Peraturan KKP RP.
 - d. Pelaporan kecemasan dan kemalangan.
 - e. Pengurusan Risiko KKP.

7.0 KESELAMATAN RUANG DI KOLEJ KEDIAMAN DAN PERSEKITARAN

- 7.1 Laluan RP termasuk tangga hendaklah bebas daripada hazard iaitu tidak licin (kehadiran air, tumpahan minyak, bahan kimia atau sebagainya), tiada objek tajam atau boleh mengganggu laluan yang mana berpotensi menyebabkan tersadung, tergelincir atau jatuh.
- 7.2 Ruang hendaklah sentiasa bersih dan kemas di mana amalan 5S dipraktikkan secara baik.
- 7.3 Pencahayaan yang mencukupi – tidak malap atau silau berlebihan sehingga boleh mendatangkan bahaya.
- 7.5 Kualiti Udara Dalam – Tiada bau yang tidak menyenangkan, kulat, habuk atau berkuap. Suhu pada tahap optimum iaitu tidak terlalu sejuk atau panas, $\pm 24^{\circ}\text{C}$ bagi ruang yang menggunakan alat penyaman udara.
- 7.6 Terdapat peralatan mekanikal (troli/tangga) digunakan untuk pengendalian manual seperti mengangkat, menurun dan mengalihkan bahan berat.
- 7.7 Stesen kerja bersesuaian dengan keperluan ergonomik (mengurangkan ketegangan tengkuk, bahu dan belakang) warga RP.
- 7.8 Pendedahan bunyi bising kurang daripada 85 dBA.
- 7.9 Program kelestarian dilaksanakan seperti program 3R (Reduce, Reuse, Recycle), penjimatan penggunaan elektrik dan air dan sebagainya.
- 7.10 Tiada penggunaan polystyrene sebagai bekas makanan dan minuman.

| | | | | |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 4 DARI 7 |
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

- 7.11 Bahan kimia yang terdapat di RP dikendali, disimpan, dilabel dengan betul (tidak disimpan di dalam bekas minuman berlabel asal atau tidak berlabel) dan dilupuskan dengan selamat.
- 7.12 *Gutters, drain pipes* dan longkang di selenggara dengan sempurna dan tidak bertakung untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes dan serangga perosak lain.
- 7.13 Penutup longkang di dalam keadaan baik dan mana-mana bukaan/lubang yang berpotensi menyebabkan tersadung atau tergelincir di tutup dengan sempurna atau di *barricade*.
- 7.14 Tempat pembuangan sampah diselenggara dengan sempurna.

8.0 KESELAMATAN MEKANIKAL DAN JENTERA

- 8.1 Rujukan: OSHMO/L3/003 – *Machinery With Certificate of Fitness (COF)*.
- 8.2 Semua jentera yang tertakluk kepada OSHMO/L3/003 hendaklah mempunyai sijil COF yang sah dan tidak luput tarikh kelulusannya oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) / Department of Occupational Safety & Health (DOSH).
- 8.3 *Standard/Safe Operating Procedure (SOP)* hendaklah dipamerkan berhampiran peralatan /jentera
- 8.4 Jadual penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) peralatan /jentera hendaklah dibangunkan dan ianya hendaklah diselenggara berdasarkan jadual tersebut serta rekod penyelenggaraan hendaklah disimpan.
- 8.5 Mana-mana bahagian peralatan/jentera yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna hendaklah dipasang penghadang (sekiranya praktik) dan papan tanda keselamatan hendaklah dipasang untuk memberi peringatan kepada pengguna berkaitan bahaya tersebut.
- 8.6 Nombor telefon kecemasan yang terkini hendaklah dipamerkan di dalam dan di luar semua lif.
- 8.7 Mana-mana sistem pengalihudaraan (*exhaust fan*) hendaklah di pasang *guarding* untuk mengelakkan kecederaan kepada pengguna berhampiran.

9.0 KESELAMATAN ELEKTRIK

- 9.1 Penyambungan litar dan penggunaan wayar penyambung (*extension cord*) hendaklah di dalam had beban yang dibenarkan dan menggunakan plag yang bersesuaian serta mempunyai pengesahan SIRIM.
- 9.2 Plag, soket dan suis hendaklah di dalam keadaan baik dan tiada tanda-tanda retak/pecah, terbakar atau tertanggal
- 9.3 Kabel/wayar tidak diletakkan di atas lantai laluan kerja melainkan ianya dimasukkan di dalam *trunking/casing* yang bersesuaian

| | | | | |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 5 DARI 7 |
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

- 9.4 Penebat kabel/wayar hendaklah di dalam keadaan baik dan tiada tanda ianya luka, rosak, terlipat atau tersepit
- 9.5 Peralatan dan kelengkapan elektrik hendaklah di dalam keadaan sempurna dan tiada kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya kejutan elektrik.
- 9.6 Peralatan/jentera yang mempunyai *emergency stop button* hendaklah dibuat ujian secara berkala untuk menentukan ianya berfungsi dan sekiranya tidak berfungsi peralatan/jentera tersebut hendaklah dikeluarkan daripada operasi serta merta.
- 9.7 Sebarang pendawaian elektrik yang melibatkan Distribution Board hendaklah mendapat kebenaran Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) atau wakilnya dan dilaksanakan oleh orang bertauliah sahaja seperti pendawai elektrik atau sebagainya.
- 9.8 Sebarang pembaikan peralatan atau kelengkapan elektrik hendaklah hanya dilakukan oleh orang bertauliah seperti juruteknik elektrik dan sebagainya.

10.0 PENGURUSAN KONTRAKTOR

- 10.1 Rujukan: OSHMO/L3/005: Pengurusan Kontraktor (Aspek KKP) – KesKo Program
- 10.2 Tiada kerja di tapak boleh dimulakan oleh kontraktor sebelum *Permit to Work (PTW)* di luluskan oleh Penyelia Projek. PTW ini hendaklah dipamerkan berhampiran lokasi kerja dan mudah dilihat. Namun begitu bagi dalam keadaan tertentu yang melibatkan kontraktor penyelenggaraan tahunan PPPH/PTMK/UMPH, PTW tidak perlu dipamerkan tetapi *Work Order* PPPH/UMPH atau dokumen seumpamanya hendaklah ditunjukkan kepada wakil RP sebelum kerja dilaksanakan.
- 10.3 Teguran hendaklah dibuat kepada kontraktor ke atas mana-mana perlakuan dan/atau keadaan tidak selamat oleh kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal mematuhi teguran tersebut, aduan hendaklah disalurkan kepada Penyelia Projek (pihak yang melantik kontraktor) atau OSHMO.
- 10.4 Mempunyai rekod pengawasan kontraktor yang melaksanakan kerja di dalam kawasan RP.

11.0 PENGURUSAN KECEMASAN

- 11.1 Membangunkan Pasukan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Team, ERT*) yang merangkumi pelbagai tempat kerja dan kepakaran (OSHMO/L2/004).
- 11.2 Ahli ERT mendapat latihan wajar berkaitan bidang tugas.
- 11.3 Prosedur tindakan kecemasan didokumenkan dan dikomunikasikan kepada warga RP samada melalui taklimat, poster atau sebagainya.
- 11.4 Pelan laluan dan nombor telefon kecemasan yang terkini dipamerkan di kawasan strategik dan pintu keluar (OSHMO/FORM/007)
- 11.5 Tanda arah laluan kecemasan dan tempat berhimpun dipamerkan dan mencukupi.

| | | | | |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 6 DARI 7 |
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |

- 11.6 Lampu kecemasan (*Emergency Exit Light*) pada setiap pintu keluar hendaklah berfungsi dengan sempurna iaitu sentiasa menyala sepanjang masa.
- 11.7 Mempunyai perancangan latihan kecemasan/pengungsian bangunan dan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 11.8 Peti Pertolongan Cemas (*First Aid Box*) diletakkan di kawasan strategik, kandungan yang lengkap dan tidak luput tarikhnya, berkunci dan tertera nama *First Aider* yang bertanggungjawab pada peti ini (OSHMO/FORM/040)
- 11.9 Papan tanda mengenai kedudukan Peti Pertolongan Cemas (*First Aid Box*) dan nama *First Aider* (beserta nombor untuk dihubungi) dipamerkan di kawasan strategik (OSHMO/FORM/039)
- 11.10 Kawasan berisiko berlaku kebakaran dilengkapi dengan alat penggera/pengesan kebakaran dan peralatan pemadaman kebakaran api seperti pemadam kebakaran mudahalih (*fire extinguisher*), gegelung hos dan sebagainya.
- 11.11 Jenis alat pemadam api mudah alih hendaklah bersesuaian dengan jenis kebakaran yang mungkin berlaku dan hendaklah dalam tempoh sah penggunaannya.
- 11.12 Jarak antara alat pemadam api mudah alih hendaklah tidak melebihi 15m setiap satu dan tidak boleh diletakkan di atas lantai (MS 1539:2003).
- 11.13 Papan tanda keselamatan hendaklah dipasang untuk menunjukkan lokasi alat pemadam api dan peralatan ini hendaklah tidak terhalang oleh sebarang objek dan mudah diakses.
- 11.14 Alat pemadam mudah alih tidak boleh disalahgunakan seperti dijadikan sebagai penyendal pintu dan sebagainya.
- 11.15 Mana-mana alat pemadam api mudah alih yang telah digunakan samada sehingga habis atau tidak perlu digantikan dengan kadar segera.
- 11.16 Pintu keluar dan laluan kecemasan hendaklah tidak terhalang oleh sebarang objek dan sekiranya pintu keluar kecemasan dikunci, kunci pendua di dalam *break glass* hendaklah disediakan bersebelahan pintu ini
- 11.17 Mempunyai jadual pemeriksaan peralatan kecemasan berkala untuk peti pertolongan cemas, alat pemadam api, pintu keluar kecemasan dan laluan serta *emergency light* (OSHMO/FORM/021, 022, 027)
- 11.18 Penghuni bangunan hendaklah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran asas pemadaman kebakaran kecil.
- 11.19 Kaedah penggunaan alat pemadam api hendaklah dipamerkan berhampiran kedudukan alat tersebut (OSHMO/GUIDE/003)

| | | | | |
|--------------|------------------|-------|------------------|-------------|
| NO. DOKUMEN | TARIKH KEMASKINI | VERSI | TARIKH KELULUSAN | MS 7 DARI 7 |
| OSHMO/L3/012 | 08 NOV 2021 | 1 | 08 NOV 2021 | |